

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk dalam menyediakan Bantuan Prihatin Nasional untuk mengenal pasti dan membantu dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri yang dianggarkan seramai 2.7 juta orang pada tahun 2019 yang terjejas akibat daripada wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh singkat, penularan wabak COVID-19 telah membawa impak yang meluas dan menjejaskan kehidupan rakyat dan aktiviti perniagaan. Dengan itu, YAB Perdana Menteri telah mengambil tindakan pantas dan proaktif dengan memperkenalkan PRIHATIN pada 27 Mac 2020, iaitu pakej rangsangan ekonomi yang terbesar dalam sejarah negara.

Antara inisiatif PRIHATIN yang dapat membantu mereka yang bekerja sendiri termasuklah penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman, pengurangan caruman KWSP, subsidi upah serta dana pinjaman mudah untuk PKS termasuk yang bekerja sendiri. Di samping itu, Kerajaan turut memperkenalkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang pertama kali mensasarkan bayaran bantuan kepada golongan M40 di samping B40. Keputusan ini diambil memandangkan impak COVID-19 yang menjejaskan segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.